

STPM Kertas 1 2017:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

(a) (i) Entiti berasingan

Prinsip ini merujuk kepada amalan perakaunan yang mengandaikan bahawa perniagaan adalah satu entiti yang berasingan daripada pemilik perniagaan. Ini bererti urus niaga peribadi pemilik yang tidak melibatkan perniagaan tidak akan direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan. Urus niaga pemilik dengan perniagaan akan direkodkan melalui dua akaun, iaitu akaun modal dan akaun ambilan.

Dua contoh dari JAURus:

1. Membuka akaun bank atas nama JAURus Enterprise dengan menandatangani tunai daripada akaun peribadi berjumlah RM30,000.
2. Mengeluarkan cek JAURus Enterprise dengan amaun RM500 bagi menjelaskan bayaran kad kredit Encik Jimmy.

(ii) Pengiktirafan hasil

Prinsip ini memberi garis panduan untuk mengiktiraf hasil perniagaan. Hasil akan diiktiraf apabila hasil itu diperolehi. Hasil dianggap diperolehi pada titik masa barang niaga yang dijual telah dihantar kepada pelanggan atau perkhidmatan telah siap diberikan.

Dua contoh dari JAURus:

1. Menerima tunai berjumlah RM2,500 bagi perkhidmatan yang telah diberikan.
2. Mengeluarkan invois berjumlah RM4,250 kepada pelanggan bagi perkhidmatan yang telah diberikan.

(iii) Kos sejarah

Prinsip ini memerlukan urus-urus niaga direkodkan pada kos sebenar, iaitu pada kos ia berlaku. Tujuan prinsip ini adalah untuk mengurangkan subjektiviti dari segi pengukuran amaun urus niaga kerana setiap urus niaga mempunyai dokumen sebagai bukti ia berlaku dan kosnya.

Dua contoh dari JAURus:

1. Membeli perabot pejabat berharga RM10,000 dengan Modern Décor dengan membayar 40% secara tunai, manakala bakinya akan dijelaskan dalam tempoh 30 hari.
2. Membeli bekalan pejabat secara tunai berjumlah RM3,450.

(b) Kesan kepada ekuiti, aset dan liabiliti bagi setiap urus niaga JA Urus Enterprise.

Urus niaga	Akaun terlibat	ASET (RM)	LIABILITI (RM)	EKUITI PEMILIK (RM)
(i)	Bank Modal	50,000		50,000
(2)	Belanja sewa Bank	(1,500)		(1,500)
	Deposit sewa Bank	4,500		
		(4,500)		
(3)	Alatan pejabat Bank / Tunai	3,600		
		(3,600)		
(4)	Alatan pejabat Modal	720		720
(5)	Perabot Bank / Tunai	10,000		
	ABB bukan dagangan	(4,000)	6,000	
(6)	Bekalan pejabat Bank / Tunai	3,450		
		(3,450)		
(7)	Bank / Tunai Hasil perkhidmatan	2,500		2,500
(8)	Akaun belum terima Hasil perkhidmatan	4,250		4,250
(9)	Belanja gaji Bank / Tunai	(2,400)		(2,400)
(10)	Ambilan Bank	(500)		(500)
(11)	Belanja bekalan pejabat	(1,150)		(1,150)
(12)	Belanja pembersihan			(200)
	Belanja belum bayar		200	
(13)	Bank / Tunai Hasil belum terperoleh	3,000	3,000	
		60,920	9,200	51,720

(c) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif;

JA Urus Enterprise		
Penyata Pendapatan Komprehensif bagi bulan berakhir 31 Mac 2015		
	RM	RM
Hasil perkhidmatan (2,500 + 4,250)		6,750
Tolak: Belanja operasi		
Belanja sewa	1,500	
Belanja gaji	2,400	
Belanja bekalan pejabat	1,150	
Belanja pembersihan	200	5,250
Untung bersih		1,500